

Newspaper	Berita Harian
Date	26 August 2015

Senario global dijamin tak beban rakyat

Putrajaya: Datuk Seri Najib Razak menegaskan kerajaan akan bertindak sedaya upaya bagi membendung fenomena ekonomi yang tidak menentu ketika ini dan memberi jaminan rakyat tidak akan terbeban dengan keadaan itu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata keadaan ekonomi negara hari ini lebih kukuh berbanding krisis ekonomi Asia yang melanda negara pada 1997.

“Kita sudah belajar daripada kesan buruk krisis ekonomi Asia itu, tambahan pula kita sudah memulakan Program Transformasi Ekonomi (ETP)

untuk mengurangkan kadar defisit fiskal sejak tahun 2009 yang ketika itu 6.7 peratus kepada sekitar 3.2 peratus menjelang akhir tahun ini.

Laksana pembaharuan

“Maknanya, pembaharuan mesti berjalan walaupun sukar, walaupun tidak popular, namun lambat laun rakyat akan sedar bahawa pembaharuan itulah yang memberi kita latitud apabila berdepan dengan keadaan muram dan tidak menentu ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemer-

lang Perbendaharaan 2014 di sini, semalam. Yang turut hadir Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Najib berkata, seandainya defisit fiskal negara hari ini berada pada kadar 6 peratus, sudah pasti ia mengurangkan ruang bagi pelaksanaan sebarang polisi.

“Cuba bayangkan kalau kita tidak kurangkan subsidi minyak umpamanya, kita terpaksa keluarkan belanja RM20 billion setahun untuk menam-

pung subsidi pukat, ini sudah tentu tambah beban kewangan.

“Kalau tidak mulakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), walaupun tidak popular, bila harga minyak merudum sekurang-kurangnya ia boleh ditampung menerusi hasil GST,” katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat harus sedar ada faktor yang boleh dikawal dan ada yang tidak boleh dikawal.

“Senario ekonomi global masa kini adalah akibat tekanan daripada faktor luar kawalan kita. Tiada satu negara pun terkecuali daripadanya,” katanya.